

**Puji Vincent Tan bukti BN tidak malu amal kronisme, kata DAP
Malaysian Insider
July 15, 2014
OLEH V ANBALAGAN, PENOLONG PENGARANG BERITA**

Pujian yang diberikan Menteri Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kesejahteraan Bandar Datuk Abdul Rahman Dahlan kepada hartawan Tan Sri Vincent Tan menunjukkan Barisan Nasional (BN) tidak malu melahirkan kroni yang menggunakan rakyat untuk kepentingan diri, kata Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng hari ini.

Lim berkata, Malaysia merupakan satu-satunya negara demokrasi di dunia di mana kerajaannya tidak malu meraikan dasar kroni kapitalis.

"Adakah dengan melebihi layanan terhadap kroni BN menguntungkan 28 juta rakyat Malaysia dalam hal komoditi dan perkhidmatan asas seperti beras dan caj elektrik?" soalnya dalam satu kenyataan, hari ini.

Beliau berkata, kroni BN juga amat bangga dengan status mereka hingga tidak ragu-ragu untuk mendedahkannya kepada umum.

Lim berkata demikian sebagai mengulas kenyataan menteri kesejahteraan bandar, perumahan dan kerajaan tempatan itu yang mencerca jutawan Tan Sri Francis Yeoh dan memuji Tan.

Dalam Twitternya semalam, Rahman berkata:"Sekurang-kurangnya Vincent Tan bersyukur Malaysia memberi banyak manfaat kepadanya. Tidak seperti apa yang seorang hartawan lain lakukan baru-baru ini. Cheers!".

Yeoh mencetuskan kontroversi gara-gara kenyataannya pada forum bulan lalu apabila beliau cuba menafikan mendapat manfaat daripada naungan bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau kemudiannya mendakwa kenyataannya itu disalah erti kerana tidak diambil

daripada konteks sebenar.

Mengenai Tan, Rahman berkata isunya berkenaan kenyataan tentang projek insinerator Kuala Lumpur.

Tan, pengasas Berjaya Corporation, menafikan Rahman menghalangnya dan pengurusan tapak pelupusan sampah Bukit Tagar membuat sebarang kenyataan berkenaan projek itu.

Lim dalam kenyataannya hari ini menyenaraikan beberapa projek kroni yang memberi keuntungan kepada segelintir pihak dengan mengorbankan kepentingan rakyat.

Beliau berkata pada 1996, syarikat kroni baru Padiberas Nasional Bhd (Berhad) diberi perjanjian konsesi monopoli mengimport beras dan kontrak itu dipanjangkan sehingga 2012.

"Sehingga kini, BN enggan menjelaskan alasan penyambungan kontrak," kata Lim juga merupakan ketua menteri Pulau Pinang.

Beliau berkata antara syarikat kroni BN lain ialah YTL Power yang disenaraikan pada 1997 selepas berjaya mendapat perjanjian konsesi sebagai penjana tenaga bebas pertama di Malaysia.

Lim berkata sejak itu, YTL Power membayar 36.3% daripada pendapatan kepada pemegang saham sebagai dividen dengan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun (CAGR) sebanyak 5.4% sejak disenaraikan.

Katanya, ia dibandingkan dengan peningkatan CAGR sebanyak 4% bagi ekonomi Malaysia dari segi keluaran dalam kasar negara ketika tempoh tersebut.

"Projek kroni tersebut mengakibatkan kerajaan dan rakyat sama ada hilang

pendapatan yang sepatutnya boleh dikutip atau terpaksa membayar dengan harga tinggi.

"Kerana itu, pemimpin BN seperti Rahman perlu memperjelaskan kepada rakyat Malaysia apa sumbangan dan kepentingan negara yang diperoleh daripada dasar melahirkan kroni parti itu," katanya.

Terdahulu hari ini, Ahli Parlimen Serdang Dr Ong Kian Ming menggesa Rahman mendedahkan dokumen penuh tender insinerator Taman Beringin dan identiti pembedanya seperti dijanjikan di Parlimen.

Ong berkata, kegagalan Rahman mendedahkannya bermaksud beliau mempunyai sesuatu yang ingin disembunyikan.

Rahman dalam tweetnya berkata, loji "sisa-kepada-tenaga" di Taman Beringin itu akan dibina melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta dengan kos pembinaan dibiayai pembida berjaya. – 15 Julai, 2014.

- See more at:
<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/puji-vincent-tan-bukti-bn-tidak-malu-amal-kronisme-kata-dap#sthash.vT8IVFOV.dpuf>

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/puji-vincent-tan-bukti-bn-tidak-malu-amal-kronisme-kata-dap>